

Terma dan Syarat Pembiayaan ASB-i Hong Leong [\(English Version\)](#)

Setelah Bank meluluskan Pembiayaan ASB-i ("**Kemudahan**") dan Pelanggan menerima terma Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Notis Pembayaran (seperti yang ditakrifkan di sini), Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ("**T&S**") Kemudahan dan sebarang penambahan atau pindaan yang mungkin dibuat kepadanya oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

Konsep Kemudahan dan Kaedah Pembiayaan

Kemudahan ini adalah berdasarkan kontrak Syariah yang dikenali sebagai Tawarruq dan selaras dengan prosedur pembiayaan pihak Bank. Setelah pihak Bank meluluskan permohonan ini, pihak Bank akan menjual aset dan/atau komoditi ("**Aset**") Bank mengikut harga yang dipersetujui yang merangkumi amaun pembiayaan yang dimohon oleh Pelanggan dan diluluskan oleh pihak Bank yang juga merupakan kos mendapatkan Aset tersebut ("**Amaun Kemudahan**") dan kadar keuntungan yang mewakili jumlah keuntungan pihak Bank ("**Harga Jualan**") ke atas bayaran tertanggung yang dipersetujui kepada Pelanggan dan tertakluk pada T&S yang terkandung di sini. Dagangan ini hendaklah dibuktikan melalui sijil elektronik (atau apa-apa bukti lain mengenai pemilikan) dan akan dikenali sebagai "**Dagangan Komoditi**". Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pihak Bank boleh, dalam keadaan luar biasa termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cabaran operasi dan/atau sistem yang dihadapi oleh Bank, menjalankan Dagangan Komoditi selepas pembayaran Amaun Kemudahan kepada Pelanggan dengan syarat Dagangan Komoditi tersebut selaras dengan prinsip Syariah.

Berdasarkan surat agensi yang akan ditandatangani oleh Pelanggan di Bahagian V di sini ("**Surat Agensi**"), pihak Bank boleh, sebagai agen untuk dan bagi pihak Pelanggan, menjual Aset tersebut kepada mana-mana pihak ketiga mengikut harga yang dipersetujui yang bersamaan dengan Amaun Kemudahan secara bayaran tunai di mana hasil bayaran tersebut akan dibayar kepada Pelanggan berdasarkan T&S yang terkandung di sini.

1. Amaun Kemudahan

Amaun Kemudahan adalah jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh pihak Bank dan dimaklumkan kepada pelanggan secara bertulis, di mana jumlah tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dimohon oleh Pelanggan dalam borang permohonan Kemudahan ("**Borang Permohonan**"). Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan dengan ini memberi kebenaran and mengizinkan pihak Bank untuk:

- i. menyemak kelayakan Pelanggan untuk membeli unit Amanah Saham Bumiputera ("**ASB**")/Amanah Saham Bumiputera 2 ("**ASB 2**") ;
- ii. membeli unit ASB/ASB 2 daripada Amanah Saham Nasional Berhad ("**ASNB**") bagi pihak Pelanggan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Bank bagi Kemudahan; dan
- iii. Pembelian ASB/ASB 2 adalah tertakluk pada ketersediaan dana dalam sistem ASNB.

2. Aset

- a) Aset adalah dalam apa-apa bentuk komoditi patuh Syariah yang akan diniagakan di bawah Kemudahan tersebut hendaklah diterima oleh kedua-dua belah pihak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
- b) Dagangan tersebut dibuat di platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dijalankan dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
- c) Pihak Bank adalah pemilik sah dan/atau pemilik benefisial Aset tanpa bebanan sebelum penjualan Aset kepada Pelanggan;
- d) Sekiranya pihak Bank perlu melaksanakan semula Jualan Aset ("**Jualan**"), hasil daripada Jualan terdahulu akan digunakan untuk membayar semua jumlah yang masih tertunggak dan kena bayar kepada Bank. Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') setelah penyelesaian Jualan sebelumnya dan obligasi di bawah Jualan sebelumnya dianggap selesai.

- e) Setelah Kemudahan ini ditandatangani oleh pihak Bank, hak milik sah dan/atau hak milik benefisial, pemilikan, hak, risiko dan kepentingan berkaitan dengan Aset tersebut akan dipindahkan dengan serta-merta kepada Pelanggan dan pihak Bank akan dengan serta-merta membolehkan Pelanggan mengambil milikan ke atas Aset tersebut. Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa Aset tersebut dijual atas dasar “keadaan yang seadanya” serta bebas dari sebarang bebanan, cagaran, lien dan/atau apa jua sekatan dan tanpa sebarang representasi atau jaminan yang berkenaan dengannya.

3. Tujuan Kemudahan

Kemudahan Pembiayaan ASB hendaklah digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB/ASB 2 (100% Margin Pembiayaan), dengan pilihan untuk membiayai yang berikut sehingga 5% daripada jumlah pembiayaan unit ASB / ASB 2:

- a) Takaful Pengurangan Bertempoh ASB ; dan/atau
- b) Perkhidmatan Penulisan Wasiat.

4. Takaful Pengurangan Bertempoh ASB (“ARTT”)

Pelan ARTT adalah pilihan untuk Pelanggan bagi melindungi Kemudahan ini dan ia boleh dibiayai oleh pihak Bank sebagai sebahagian daripada Kemudahan ini untuk membantu Pelanggan dalam menyelesaikan Kemudahan ini sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (“TPD”).

- a) Pihak Bank boleh membiayai sumbangan takaful yang kena bayar untuk Sijil ARTT tertakluk pada syarat-syarat berikut:
 - i. ARTT mestilah diambil dari pengendali takaful yang dilantik oleh pihak Bank;
 - ii. hanya sumbangan takaful asas untuk ARTT yang akan dibiayai; dan
 - iii. anda mesti memberikan semua hak, hakmilik, faedah dan manfaat kepada Bank.
- b) Di mana ARTT tidak dibiayai oleh Bank, anda boleh mengambil ARTT daripada mana-mana pengendali takaful pilihan anda. Pihak Bank akan dinamakan sebagai benefisiari tunggal di bawah ARTT yang dibeli oleh anda. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan sumbangan takaful dibayar kepada pengendali takaful untuk melaksanakan ARTT.
- c) Jumlah Dilindungi Berkurang yang dinyatakan dalam Sijil Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang dilantik oleh pihak Bank akan dibayar untuk menampung pembiayaan tertunggak dengan pihak Bank Ketika berlakunya Kematian/TPD. Sebarang lebihan akan dibayar kepada anda, jika anda masih hidup, atau penama, jika sebaliknya.
- d) Sekiranya anda mungkir mana-mana terma Kemudahan atau terdapat tunggakan Ansuran untuk sekurang-kurangnya dua (2) bulan, sijil ARTT boleh ditamatkan oleh pihak Bank dan pihak Bank berhak untuk menuntut nilai serahan atas permintaan 2ijil ARTT tersebut.

5. Unit ASB/ASB 2 sebagai Cagaran

Pemohon Utama dengan ini mencagarkan unit-unit ASB/ASB 2 daripada ASNB kepada Bank seperti yang dinyatakan dalam Borang Pemohonan ini atau sebarang bilangan lain unit ASB/ASB 2 yang berhak dibeli oleh Pemohon Utama seperti yang ditetapkan oleh ASNB (mengikut keadaan), sebagai cagaran berterusan bagi pembayaran, apabila dituntut, semua dan/atau sebarang liabiliti Pelanggan dengan pihak Bank sama ada pada masa ini atau tertunggak selepas ini termasuk keuntungan dan semua caj lain sehingga tarikh pembayaran. Semasa Kemudahan berkuatkuasa dan sepanjang tempoh selepas itu sehingga keseluruhan Kemudahan dijelaskan sepenuhnya, unit ASB/ASB 2 tidak boleh ditarik balik atau diserahkan hak atau dipindahkan atau amanah tidak boleh diwujudkan terhadapnya atau apa-apa hak tidak boleh diwujudkan terhadapnya memihak kepada atau diberikan kepada mana-mana pihak. Pihak Bank boleh menghendaki Pemohon Utama untuk melaksanakan tindakan atau perkara atau melaksanakan apa-apa borang atau dokumen, notis, atau pengindorsan bagi tujuan menyempurnakan cagaran terhadap unit ASB/ASB 2 dan Pemohon Utama hendaklah bertindak/melakukan perkara yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Bank. Pemohon Utama hendaklah pada setiap masa tidak mengambil atau menolak untuk mengambil apa-apa tindakan yang mana

tindakan atau peninggalan tersebut boleh menjejaskan secara material atau memudaratkan atau boleh mengurangkan nilai unit ASB/ASB 2 atau yang mungkin menyebabkan sebarang perubahan atau penjejasan kepada T&S ini atau sebarang hak yang diwujudkan di dalam ini.

6. Harga Jualan Bank

- a) Harga Jualan Bank adalah jumlah yang sama dengan agregat:-
 - i. Amaun Kemudahan; dan
 - ii. Amaun Keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling ("**CPR**")Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Amaun Keuntungan Harga Jualan Bank yang perlu dibayar oleh Pemohon akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ("**EPR**"). Perbezaan di antara Amaun Keuntungan yang dikira berdasarkan CPR dan EPR akan diketepikan oleh pihak Bank melalui Rebat (Ibra') seperti yang dinyatakan di sini.
- b) CPR dan EPR akan dinyatakan dalam Notis Pembayaran. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada Kadar Asas Standard ("**SBR**") pada bila-bila masa sepanjang Tempoh pembiayaan, EPR akan diubah sewajarnya dengan syarat EPR tidak boleh melebihi CPR.
- c) Meskipun terdapat syarat-syarat lain dalam Pembiayaan ini, kadar keuntungan efektif yang dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa adalah tidak boleh kurang dari 0.00% dan pihak Bank juga boleh menggunakan Kos Kewangan Islamik ("**ICOF**") sebagai Kadar Rujukan.

ICOF ditafsirkan sebagai kos kepada pihak Bank dalam menyediakan atau memberikan pembiayaan daripada mana-mana sumber yang dipilih mengikut budi bicara mutlak pihak Bank termasuklah kos bagi mengekalkan rizab statutori, keperluan kecairan kewangan, kos pentadbiran, dan lain-lain kos yang berkaitan dengan Bank seperti yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

EPR minimum yang terpakai bagi Kemudahan tidak boleh kurang daripada 1.70% setahun yang dikira atas kadar harian atau apa-apa kadar minimum lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

7. Fi dan Perbelanjaan

- a) Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank semua kos, caj dan perbelanjaan termasuk yuran guaman, duti setem (termasuk lain-lain tugas dan cukai dan penalti yang serupa) yang ditanggung oleh Bank yang berkaitan dengan penyediaan, penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak Bank berkaitan dengan Kemudahan.
- b) Untuk tujuan itu, dengan persetujuan terlebih dahulu, Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun Pelanggan yang dikendalikan dengan Bank.
- c) Fi Pengendorsan akan dikenakan dan dibayar oleh Pelanggan kepada ASNB.

8. Notis Pembayaran

Apabila Bank menerima permohonan Pemohon Utama untuk Kemudahan, Bank akan menghantar notis yang menyatakan Amaun Kemudahan yang diberikan, Harga Jualan Bank, unit ASB yang dicagarkan untuk menyokong Kemudahan, CPR, EPR dan Kadar Asas Islamik yang berkenaan, amaun ansuran dan tarikh pembayaran pertama ("**Notis Pembayaran**") kepada Pemohon Utama. Bank akan mengeluarkan Notis Pembayaran melalui notis cetakan komputer. Pemohon Utama dikehendaki segera memaklumkan pihak Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari tentang sebarang kesilapan atau peninggalan. Kegagalan berbuat demikian, Pemohon Utama akan dihalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap pihak Bank. Sekiranya Pemohon Utama memberitahu pihak Bank secara bertulis bahawa Pemohon Utama tidak ingin meneruskan Kemudahan tersebut, Pemohon Utama akan terus bertanggungjawab terhadap fi pengendorsan dan duti setem yang berkaitan dengan Kemudahan.

9. Perjanjian Pembayaran

- a) Pelanggan bersetuju dan beraku janji untuk membayar Harga Jualan tepat pada masanya mengikut terma pembayaran tertunggak dengan amaun ansuran bulanan ("**Amaun Ansuran Bulanan**") dan pada kadar keuntungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pembayaran dan semua wang lain yang terhutang atau perlu dibayar pada masa yang ditetapkan.
- b) Amaun Ansuran Bulanan yang pertama akan bermula pada tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Notis Pembayaran di mana ia akan jatuh pada hari keempat pada bulan yang berikutnya selepas tarikh pengeluaran Kemudahan, dan sebarang Amaun Ansuran Bulanan yang kemudian hendaklah dibayar secara berturut-turut mengikut jarak masa tetap pada setiap satu (1) bulan sehingga jumlah penuh Harga Jualan dan segala hutang lain yang berkaitan dibayar sepenuhnya. Amaun Ansuran Bulanan yang dibayar akan berdasarkan pada EPR ketika permulaan bayaran pertama. Jumlah ansuran akan berubah jika terdapat perubahan EPR akibat dari perubahan SBR. Sebarang perubahan SBR akan diberitahu kepada Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 23.
- c) Pihak Bank berhak membatalkan Kemudahan tersebut dan menuntut bayaran penuh baki Harga Jualan dan segala jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan tersebut, apabila berlakunya sebarang kejadian keingkaran seperti yang dinyatakan dalam Klausula 18 T&S ini.

10. Caj Pampasan (Ta'widh)

Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan caj pampasan (ta'widh) kepada Pelanggan pada jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank akibat langsung daripada kelewatan dalam pembayaran atau keingkaran Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

- a) Semasa Tempoh Kemudahan
 - i. bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ("**BNM**") ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh keingkaran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;
 - ii. bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luput tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru).
- b) Selepas tarikh luput atau tempoh matang Kemudahan bagi keingkaran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank Perbankan Islam ("**IIMM**") BNM atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh sejurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh.
- c) Setelah Penghakiman bagi keingkaran pembayaran Kemudahan di mana jumlah penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian IIMM BNM atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas jumlah penghakiman asas Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan dikira dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya.

Jumlah pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan ketika keingkaran berlaku, dikira atas kadar harian dari tarikh perlu bayar.

Illustrasi: Tertunggak selama 30 hari

Amaun Ansuran Bulanan	RM2,500
Tarikh Ansuran Perlu Dibayar	1/12/2025
Tarikh Ansuran Dibayar	31/12/2025
Kadar Ta'widh	1%

Amaun Ta'widh = Ansuran Tertunggak x Kadar Ta'widh x Bilangan Hari Tertunggak

365 hari

$$= \frac{2,500 \times 1\% \times 30}{365} = \text{RM2.05}$$

365

11. Cukai kerajaan dan/atau Caj yang dikenakan Pihak Berkanun/Kawal Selia, Fi dan lain-lain

- a) "Cukai" bermaksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara, levi, impos, duti, caj, fi, potongan atau sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk tanpa had, sebarang cukai penggunaan dan cukai lain biar apa pun nama yang diberi dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan.
"Pihak Berkuasa Yang Berkenaan" bererti mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian.
- b) Sebarang fi perkhidmatan dan sebarang jumlah yang Pelanggan kena dibayar kepada pihak Bank di bawah Kemudahan termasuk sebarang amaun yang mewakili bayaran balik yang Pelanggan kena bayar kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk mana-mana Cukai yang perlu dibayar tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.
- c) Sekiranya Pelanggan dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau sekatan dari fi perkhidmatan dan/atau semua jumlah lain yang kena bayar kepada pihak Bank untuk Kemudahan berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena bayar oleh Pelanggan dalam hal di mana potongan atau sekatan diperlukan akan ditambah supaya fi perkhidmatan bersih dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh pihak Bank sama dengan apa yang pihak Bank sepatutnya terima jika tiada sebarang potongan atau pengecualian dikenakan.
- d) Sebagai penambahan atas fi perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan akan bayar kepada pihak Bank semua Cukai yang berkenaan pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran/liabiliti/kewajipan Cukai yang berkaitan, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai yang mungkin diperlukan di bawah mana-mana undang-undang yang perlu dibayar oleh Pelanggan secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, di mana Pelanggan akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- e) Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara pihak Bank dan pihak berkuasa percukaian berkenaan bagi sesuatu amaun yang dibayar sebagai Cukai kerana sesuatu bekalan dibuat atau dianggap telah dibuat atau hal lain yang berkaitan dengan Kemudahan oleh pihak Bank, satu pelarasan boleh dibuat di antara pihak Bank dan Pelanggan dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan.

- f) Semua Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank seperti yang diperuntukkan di sini hendaklah dibayar mengikut masa dan cara seperti yang diminta oleh pihak Bank.
- g) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melakukan segala perbuatan/perkara atau melaksanakan borang berkaitan/dokumen/notis/pengendorsan yang diminta secara munasabah oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan di mana Cukai tersebut dikenakan. Jika terdapat Cukai baharu yang dikuatkuasakan dan Cukai tersebut perlu dikenakan terhadap sebarang transaksi yang dicadangkan dalam Kemudahan ini, Pelanggan bersetuju untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Bank dalam membantu pihak Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang yang berkaitan.
- h) Bagi mengelakkan keraguan, semua pihak bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau amaun yang digunakan untuk pengiraan jumlah yang perlu dibayar yang dinyatakan dalam Kemudahan ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang perlu ditambah di bawah klausa akaun Cukai.

12. Kiraan Keuntungan atas Kadar Harian

Keuntungan yang dikenakan pada Kadar Ditetapkan, akan dikira atas baki tertunggak harian dari tarikh pembiayaan dikeluarkan berdasarkan kiraan 365 hari. Keuntungan akan didebitkan dari akaun anda pada penghujung setiap bulan dan akan menjadi perlu dibayar pada hari pertama bulan berikutnya. Tiada bahagian ansuran yang perlu dibayar oleh anda di bawah pembiayaan tersebut atau apa-apa bayaran yang perlu dibuat kepada Bank yang akan dianggap sebagai bayaran prinsipal sehingga semua keuntungan yang kena bayar dan perlu dibayar telah di bayar.

13. Bayaran Pendahuluan

Apabila menerima sebarang pembayaran terhadap Kemudahan, pihak Bank akan menggunakan pembayaran tersebut untuk apa-apa jumlah tertunggak, Amaun Ansuran Bulanan yang perlu dibayar dan caj tertunggak lain yang perlu dibayar (secara kolektif dipanggil "**Pembayaran Tertunggak**"). Lebihan, jika ada, akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan ("**Bayaran Pendahuluan**") kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pelanggan, sebagai penebusan Kemudahan atau prabayaran menurut Klausa 14 di bawah.

14. Prabayaran

Sebarang pembayaran yang dibuat oleh Pelanggan akan dianggap sebagai prabayaran daripada Harga Jual sekiranya:

- a) Pembayaran minimum yang diterima oleh pihak Bank mestilah berjumlah tiga (3) Amaun Ansuran Bulanan;
- b) Pihak Bank telah menerima notis bertulis ("**Notis Prabayaran**") daripada Pelanggan bahawa Amaun Ansuran Bulanan tersebut hendaklah dianggap sebagai prabayaran. Sebarang Notis Prabayaran yang diberi mengikut terma ini tidak boleh ditarik balik dan Pelanggan akan membayar jumlah seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut prinsip Syariah pada tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Notis Prabayaran tersebut. Sebarang Prabayaran tidak akan memberi kesan kepada ansuran bulanan yang perlu dibayar;
- c) Prabayaran hanya akan dibenarkan apabila Kemudahan telah dikeluarkan sepenuhnya; dan
- d) Prabayaran tersebut akan menyebabkan pengurangan prinsipal tertunggak dan keuntungan akan yang dikira atas prinsipal telah berkurangan.

15. Penyelesaian Awal

Pelanggan boleh pada bila-bila masa melaksanakan penyelesaian awal Kemudahan sepenuhnya dengan memberikan notis awal secara bertulis satu (1) bulan kepada pihak Bank.

16. Rebat

- a) Bank akan memberikan rebat kepada Pelanggan ke atas Harga Jualan Bank di bawah prinsip Ibra' menurut formula yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.
- b) Rebat akan diberikan kepada semua Pelanggan yang menyelesaikan Kemudahan mereka sebelum tamat tempoh Kemudahan. Penyelesaian sebelum tamat tempoh Kemudahan oleh Pelanggan adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada situasi berikut:
 - i. Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang timbul daripada prabayaran;
 - ii. Penyelesaian Kemudahan ini disebabkan penyusunan semula pembiayaan;
 - iii. Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes keingkaran; dan
 - iv. Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan Kemudahan ini sebelum tarikh tamat tempoh;
- c) Rebat akan diberikan dalam situasi berikut:
 - i. Untuk pembiayaan kadar berubah, rebat akan diberi sekiranya terdapat perbezaan antara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan CPR dan jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan EPR. Rebat akan diberi sekiranya jumlah keuntungan berdasarkan EPR adalah lebih rendah daripada keuntungan berdasarkan CPR.
- d) Rebat akan dikira seperti berikut:
Rebat = Baki keuntungan belum diperolehi
- e) Rebat hanya akan dianggap telah diberikan setelah pihak Bank menerima jumlah penyelesaian/penebusan sepertimana yang telah ditetapkan.

17. Perubahan Ansuran

Tanpa mengambil kira peruntukan berkaitan pembayaran Ansuran di atas, pihak Bank berhak untuk mengubah bilangan dan/atau amaun ansuran pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Pihak Bank akan memaklumkan sebarang perubahan kepada Pelanggan secara bertulis. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak akan mengubah Harga Jualan Bank.

18. Kejadian Keingkaran

Pihak Bank berhak untuk menamatkan Kemudahan ini dan menuntut pembayaran serta-merta Harga Jualan dan segala jumlah lain yang pada masa tersebut masih terhutang atau masih belum dibayar oleh Pelanggan yang mana, akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar serta-merta oleh Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank berhak untuk mendapatkan semua jumlah yang tersebut bersama dengan kadar pampasan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Klausula 10 di sini berserta dengan sebarang kos dan fi yang tertunggak, tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu atau mendapat persetujuan daripada Pelanggan apabila berlakunya sebarang Kejadian Keingkaran seperti berikut:

- a) Jika Pelanggan gagal membuat bayaran untuk sebarang jumlah yang kena dibayar dan perlu dibayar kepada pihak Bank atau ingkar atau gagal untuk melaksanakan sebarang aku janjinya, perjanjian atau sebarang T&S di dalam Kemudahan ini;
- b) Jika Pelanggan gagal untuk membuat bayaran Amaun Ansuran Bulanan dua (2) bulan berturut-turut;
- c) Jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan atau memasuki mana-mana komposisi atau pengaturan dengan atau untuk manfaat pemiutangnya;
- d) Jika sebarang distres atau perlaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan atas mana-mana harta Pelanggan;
- e) Jika Pelanggan menjalani mana-mana hukuman tahanan, menjadi tidak siuman, tidak upaya atau meninggal dunia;
- f) Jika terdapat sebarang perubahan material terhadap keadaan kewangan Pelanggan yang pada pendapat munasabah pihak Bank mungkin akan menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap Kemudahan tersebut dan menjejaskan kedudukan pihak Bank dalam apa cara sekalipun;

- g) mana-mana representasi atau kenyataan adalah tidak betul dari segi nyata atau tidak dipatuhi;
- h) Jika sebarang perubahan terhadap undang-undang atau peraturan terpakai menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk pihak Bank terus menyediakan Kemudahan tersebut kepada Pelanggan; atau
- i) Jika pihak Bank membuat keputusan menurut budi bicaranya bahawa penerusan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya akan menjejaskan kedudukannya atau tidak diingini atau mengancam atau sebarang peristiwa atau pelbagai peristiwa yang berlaku atau situasi yang wujud boleh atau mungkin menjejaskan Pelanggan untuk melaksanakan mana-mana terma Kemudahan ini.

Sekiranya berlaku sebarang Kejadian Keingkaran dan sekiranya Pelanggan gagal, mengabaikan dan/atau tidak membalas notis dan/atau komunikasi yang dikeluarkan oleh pihak Bank mengenai keingkaran Pelanggan terhadap Kemudahan mengikut T&S ini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank, pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejennya untuk menebus unit ASB/ASB 2 yang dicagarkan bagi menjelaskan bayaran amaun tertunggak di bawah Kemudahan dan terus menamatkan ARTT sekiranya ia dibiayai bersama Kemudahan ini untuk mendapatkan nilai penyerahan Sijil Takaful tersebut daripada pengendali takaful.

Sekiranya hasil yang diperoleh daripada penamatan di atas adalah tidak mencukupi untuk menyelesaikan kesuluruhan tunggakan yang disebutkan di atas, Pelanggan akan bertanggungjawab terhadap jumlah yang terkurang berserta semua caj lain sehingga jumlah amaun tertunggak dibayar penuh. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan semula jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank sekiranya hasil daripada penamatan tersebut tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah amaun tertunggak.

19. Pelupusan Unit ASB/ASB 2 yang Dicagar kepada Bank

Pihak Bank berhak untuk melupuskan, menunaikan atau menjual unit ASB/ASB 2 yang dicagarkan kepada Bank dengan serta-merta (tanpa memberi sebarang notis lanjut kepada Pelanggan), sebagaimana yang dianggap wajar melalui ejennya yang dilantik atau mana-mana syarikat dalam Hong Leong Financial Group, Syarikat induk Bank serta syarikat induk Hong Leong Bank Berhad, sekiranya Pelanggan gagal memenuhi kewajipan dalam Kemudahan Pelanggan atau berlakunya sebarang peristiwa ketidakpatuhan seperti yang dinyatakan di sini atau pelanggaran mana-mana kewajipan Pelanggan kepada Bank sama ada di bawah Kemudahan atau mana-mana kemudahan dan/atau perjanjian dengan Bank. Hasil jualan akan dikreditkan untuk menyelaraskan dan/atau menyelesaikan libiliti Pelanggan dengan Bank. Sebarang kekurangan dalam akaun hendaklah dijelaskan oleh Pelanggan. Di samping dan tanpa menjejaskan sebarang peruntukan di dalam ini, kuasa Bank termasuk kuasa:

- a) untuk mengambil milikan, memungut dan mengambil unit ASB/ASB 2 atau mana-mana bahagian daripadanya;
- b) untuk menjual, bertukar, menukar menjadi wang atau melupuskan atau merealisasi atau menyetujui penjualan, pertukaran, pertukaran menjadi wang atau pelupusan atau realisasi unit ASB/ASB 2 atau mana-mana bahagian daripadanya yang dianggap wajar oleh Bank sama ada melalui tawaran awam atau perjanjian persendirian dan untuk sebarang balasan atau nilai dan berdasarkan sebarang terma seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya;
- c) untuk melaksanakan atau menyebabkan atau membenarkan pelaksanaan semua kuasa atau hak sampingan kepada pemilikan unit ASB/ASB 2 atau mana-mana bahagian daripadanya;
- d) untuk menjelaskan, menyelaras, mengkompromi dan mengatur sebarang tuntutan/ penyelesaian, akaun, pertikaian, soalan dan tuntutan yang dalam apa cara jua berkait dengan unit ASB/ASB 2 atau mana-mana bahagian daripadanya;

- e) untuk membawa, mendakwa, menguatkuasa, membela, dan/atau memberhentikan sebarang tindakan, guaman atau prosiding tentang apa-apa perkara atau terhadap mana-mana pihak yang berkaitan di sini seperti yang dianggap wajar dan perlu oleh Bank; dan
- f) untuk melakukan semua tindakan dan/atau perkara yang mungkin perlu atau diinginkan atau suai manfaat untuk merealisasi unit-unit ASB/ASB2 dan penjelasan penuh semua liabiliti yang kena dijelaskan kepada Bank.

Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua tindakan, kerugian, tuntutan, prosiding, kos dan liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank (jika ada) untuk melaksanakan atau cuba melaksanakan sebarang hak, kuasa, remedy, kebenaran atau budi bicara yang diletak hak dengan Bank. Bank (termasuk wakil dan sub-wakilnya) tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan atau atas sebarang sebab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak atas sebarang kerugian atau kerosakan atau penurunan harga/nilai akibat daripada Bank merealisasi keseluruhan atau sebahagian daripada unit ASB/ASB 2 berhubung dengan unit ASB/ASB 2 atau ekoran Bank melaksanakan atau tidak melaksanakan sebarang kuasa, kebenaran atau budi bicara yang diletak hak terhadap pihak Bank.

20. Pembatalan

Pihak Bank berhak mengkaji semula, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kemudahan yang diluluskan atau dikeluarkan dengan memberi notis kepada Pelanggan sekiranya berlaku keadaan yang memberi kesan kepada Pelanggan yang pada pendapat Bank mempunyai kesan buruk terhadap Pelanggan atau Bank.

21. Kajian Semula

Pihak Bank berhak untuk mengkaji semula Kemudahan pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada kejadian keingkaran telah berlaku. Apabila kajian semula tersebut dilakukan, tertakluk kepada peruntukan syariah, Bank berhak untuk mengubah T&S Kemudahan atau untuk menarik balik, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kemudahan tersebut atau mana-mana bahagiannya dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan. Dalam keadaan sedemikian, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank hutang yang perlu dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan tersebut. Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai kewajiban sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti untuk membuat atau meneruskan atau menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan. Walau apa pun yang terkandung di dalam T&S ini, Kemudahan, apa-apa caj pampasan, kos dan fi yang perlu dibayar hendaklah dibayar oleh Pelanggan apabila diminta oleh Bank.

22. Penyerahan Hak

Pihak Bank berhak untuk menyerah hak dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau kewajiban pihak Bank di bawah T&S ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

23. Notis dan Proses Perundangan

Semua notis dan komunikasi yang akan diberi oleh pihak Bank seperti yang terkandung di sini termasuk sebarang tuntutan untuk bayaran yang perlu dijelaskan, tunggakan dan baki belum dibayar oleh Pelanggan akan dilakukan secara bertulis dan boleh dilakukan melalui mana-mana cara berikut atau sebarang cara lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank:

- a) Penghantaran peribadi atau pos biasa ke alamat biasa atau tempat kediaman atau tempat perniagaan terakhir Pelanggan yang diketahui atau di alamat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan. Notis atau komunikasi akan dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan (jika serahan peribadi dilakukan) semasa serahan peribadi dibuat atau sewaktu ia ditinggalkan di alamat tersebut, atau (jika dihantar melalui pos) empat puluh lapan (48) jam selepas pengeposan jika alamat adalah dalam bidang kuasa

- di mana Akaun dibuka dan dikekalkan selama tujuh (7) Hari Perniagaan setelah pengeposan jika alamat adalah di tempat lain walaupun ia kemudiannya dikembalikan;
- b) Jika penghantaran adalah melalui transmisi faksimili, pada tarikh ia dihantar tertakluk pada pengesahan bahawa transmisi untuk keseluruhan dokumen telah berjaya;
 - c) Melalui notis umum dengan cara pengiklanan, dipaparkan di premis cawangan Bank atau di laman sesawang Bank dan notis tersebut akan dianggap telah berkuatkuasa dari tarikh notis tersebut itu boleh diperolehi atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut;
 - d) Melalui alamat emel terakhir Pelanggan yang diketahui seperti yang didaftarkan dalam rekod pihak Bank. Sebarang notis yang dihantar melalui emel akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan dua puluh empat (24) jam selepas emel dihantar; atau
 - e) Melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang telah didaftar dalam rekod pihak Bank.

Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pihak Bank dimaklumkan tentang alamat dan butiran perhubungan terkini Pelanggan. Serahan untuk sebarang proses mahkamah akan berkuatkuasa apabila ia ditinggalkan atau dihantar ke alamat biasa atau tempat kediaman atau perniagaan terakhir Pelanggan yang diketahui atau di alamat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau boleh dikuatkuasakan mengikut sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

24. Pihak Berkaitan

Bagi membolehkan pihak Bank untuk mematuhi Akta Perkhidmatandan Kewangan Islam 2013 ("**IFSA**") dan Garis Panduan BNM Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkaitan untuk Bank-Bank Islam ("**Garis Panduan**"), Pelanggan mesti mengaku kepada pihak Bank sama ada Pelanggan adalah Pihak Berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, isteri, anak, ibubapa atau tanggungan kewangan Pengarah, Pegawai Eksekutif pihak Bank atau pegawai yang meluluskan/menilai/menyemak kredit, atau dalam kes Pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh seseorang yang berkaitan.

Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi Pihak Berkaitan, Pelanggan mestilah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dengan segera. Bank berhak untuk menamatkan Kemudahan tersebut jika Pelanggan gagal untuk membuat pengakuan yang sewajarnya atau yang benar, yang mengakibatkan pihak Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.

25. Hak untuk Mendedahkan Maklumat

Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 IFSA, Pelanggan memberi kuasa dan membenarkan secara tidak boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berkaitan Kemudahan, T&S Kemudahan ini, akaun-akaun sedia ada dan akan datang yang dimiliki oleh Pelanggan dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

- a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan pembiayaan atau kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Biro Kredit BNM, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang mungkin diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh BNM atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia atau Persatuan Bank-bank Malaysia;
- b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkaitan dengan pihak Bank dan Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"), termasuk pejabat wakil dan cawangan serta wakil sah mereka, termasuk anak-anak syarikat kepada syarikat induk pihak Bank dan/atau pihak syarikat induk HLB;

- c) Pihak Sekuriti atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
- d) Juruaudit pihak Bank, peguamcara dan/atau ejen lain berhubung pengutipan wang yang terhutang dan kena dibayar; dan
- e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk pihak Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau syarikat berkaitan.

Pelanggan dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau atas akibat pergantungan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan T&S ini.

26. Representasi dan Waranti pada Pemprosesan Maklumat Peribadi

Pelanggan dengan ini memberi representasi dan waranti bahawa Pelanggan telah mendapat persetujuan semua individu yang dinamakan dalam Borang Permohonan atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada pihak Bank bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh pihak Bank ("Subjek Data Yang Berkenaan"), untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi oleh pihak Bank daripada Subjek Data Yang Berkenaan mengikut Notis Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

27. Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi

Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi izin untuk pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Pelanggan atau yang diperolehi oleh pihak Bank dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan yang berkaitan dengan Kemudahan mengikut Notis Privasi Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. "**Notis Privasi**" bermaksud dasar dan prinsip pihak Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan pihak Bank yang boleh dipinda dari masa ke semasa dan boleh didapati di laman sesawang pihak Bank atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

28. Penepian dan Kelonggaran

T&S terkandung di sini boleh diketepikan secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan tanpa menjejaskan hak Bank. Sebarang kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di sini atau pengekangan kelewatan atau kelonggaran yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan tidak boleh ditafsirkan bahawa Bank telah mengeneipkan mana-mana hak Bank di dalam ini.

29. Tiada Tolak Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan

Pelanggan tidak berhak untuk menolak atau menolak selesai atau menuntut balik sebarang amaun yang terhutang atau dikatakan terhutang oleh pihak Bank kepada Pelanggan daripada sebarang amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Kemudahan ini. Pelanggan bersetuju bahawa tiada sebarang penetapan di antara pihak Bank dan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain akan menjejaskan atau dianggap sebagai membentuk perjanjian tidak langsung yang membataskan atau menyangkal sebarang lien, caj, jaminan, hak untuk tolak selesai atau hak lain yang pada bila-bila masa menjadi hak pihak Bank (sama ada secara pelaksanaan undang-undang, kontrak atau sebaliknya).

30. Penolakan/Pengabungan Akaun

Tanpa prasangka terhadap mana-mana remedi yang pihak Bank boleh, pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis kepada Para Pelanggan, menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun atau akaun-akaun Pelanggan dalam apa jua bentuk (sama ada, deposit atau pembiayaan), dengan mana-mana cawangan Bank dengan sebarang liabiliti Pelanggan (sama ada liabiliti tersebut adalah semasa, akan datang, sebenar, kontingen, utama, sampingan, kolateral, bercagar atau tanpa cagaran, berasingan atau bersama) dan ia adalah tertakluk pada budi bicara pihak Bank untuk meletakkan pegangan sementara ke atas mana-mana atau semua akaun Pelanggan semasa tempoh notis ini.

Selain itu, pihak Bank boleh menjual mana-mana cagaran atau harta persendirian Pelanggan yang dipegang oleh pihak Bank sebagai deposit atau sebagainya, dengan memberi notis kepada Pelanggan, di lelongan awam atau jualan persendirian tanpa sebarang prosiding perundangan diperlukan dan menyimpan hasil jualan yang diperolehi dari jumlah yang belum dibayar termasuk tetapi tidak terhad kepada pampasan, caj, kos dan fi.

31. Arahan Tetap

Pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank dengan cara arahan tetap untuk mendebitkan daripada akaun Pelanggan yang dibuka dan diselenggarakan dengan pihak Bank bagi tujuan pembayaran Amaun Ansuran Bulanan.

32. Perlantikan Ejen

Sebagai penjelasan dan bukan pengurangan hak Bank di bawah Kemudahan ini, pihak Bank mempunyai hak untuk melantik ejen pilihannya untuk memungut semua dan sebarang jumlah yang terhutang untuk pihak Bank daripada Pelanggan di bawah Perjanjian ini.

33. Pemantauan dan Rakaman Telefon

Pihak Bank boleh memantau dan merakam dan Pelanggan dengan ini memberi persetujuan untuk rakaman tersebut, dari semua perbualan telefon yang dilakukan dengan Pelanggan untuk tujuan yang mungkin termasuk penjualan, latihan, rujukan dan lain-lain. Pelanggan bersetuju bahawa:

- a) semua rakaman telefon adalah hak milik Bank;
- b) Bank berhak menggunakan rakaman tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.

34. Pengesahan dan Jaminan

Pelanggan dengan ini mengesahkan dan memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa:

- a) Pelanggan berkemampuan untuk melaksanakan, mematuhi dan menunaikan T&S yang terkandung di sini;
- b) T&S ini membentuk tanggungjawab perundangan yang sah dan mengikat dan boleh dikuatkuasakan ke atas Pelanggan;
- c) semua tindakan, syarat, perkara, keizinan, persetujuan, kebenaran, kelulusan, lesen dan pengecualian yang perlu dilakukan, dilaksanakan, disediakan, ditunaikan, dilakukan atau diperolehi untuk membolehkan Pelanggan dari segi undang-undang memasuki, melaksanakan dan melakukan hak dan tanggungjawab Pelanggan yang terkandung di sini dan di bawah sebarang dokumen berkaitan yang dilaksanakan oleh Pelanggan, telah disempurnakan, dilaksanakan, disediakan, dipenuhi, dilakukan atau diperolehi dan berkuatkuasa sepenuhnya;
- d) penerimaan Kemudahan ini dan pelaksanaan T&S yang terkandung di sini oleh Pelanggan tidak akan menyalahi sebarang undang-undang, peraturan, arahan atau dekri mana-mana pihak berkuasa, badan, agensi dan mahkamah kerajaan yang mana Pelanggan tertakluk padanya;
- e) maklumat yang disediakan oleh Pelanggan kepada pihak Bank berkaitan T&S ini dan Kemudahan ini adalah tepat, betul, benar dan lengkap dan tiada sebarang maklumat telah tertinggal yang boleh menyebabkan maklumat tersebut menjadi tidak tepat, tidak betul, silap, salah dinyatakan, tidak benar, tidak lengkap atau mengelirukan dalam apa jua

bentuk. Pelanggan akan memaklumkan dengan serta-merta secara bertulis kepada pihak Bank sekiranya maklumat yang dinyatakan tidak lagi benar dan/atau terdapat sebarang perubahan mengenainya;

- f) status pemastautin yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank adalah benar dan betul dan Pelanggan perlu segera memaklumkan kepada Pihak Bank jika terdapat sebarang perubahan pada status pemastautin Pelanggan. Pihak Bank berhak untuk membatalkan Kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberi notis terlebih dahulu, jika status pemastautin berubah menjadi bukan pemastautin dan Pelanggan gagal mendapatkan kelulusan daripada BNM. Pelanggan akan menanggung semua kerugian dan caj akibat perubahan tersebut.
- g) Pelanggan tidak ingkar di bawah sebarang perjanjian yang mana Pelanggan adalah pihak atau yang mungkin mengikat Pelanggan; dan Pelanggan bukan muflis dan tiada prosiding kebangkrutan, tindakan undang-undang, litigasi, arbitrase, pentadbiran, prosiding sivil atau jenayah sedang diambil, akan diambil atau diberi amaran akan diambil terhadap Pelanggan yang akan menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk memenuhi tanggungjawab Pelanggan di bawah T&S ini;
- h) Pelanggan telah membaca dan memahami dokumen berikut dan berbincang lebih lanjut dengan wakil penjualan sekiranya ada syarat yang tidak difahami oleh Pelanggan sebelum menandatangani kontrak.
 - i. T&S ini;
 - ii. Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan ASB-i Hong Leong;
 - iii. Helaian Pendedahan Produk Takaful Berjangka Berkurungan ASB (ARTT), jika berkenaan;
 - iv. Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah Menerusi Pembiayaan oleh ASNB; dan
 - v. Surat Akuan dan pengesahan oleh ASNB.

35. Akaun Penggantungan

Untuk membolehkan pihak Bank mengekalkan dan tidak menjejaskan liabiliti Pelanggan sebaik sahaja Perintah Penghukuman dan Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Pelanggan dan/atau perintah tersebut telah diwartakan untuk menunjukkan bahawa Pelanggan adalah seorang muflis atau atas apa jua sebab yang pihak Bank anggap wajar, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang dianggap perlu oleh pihak Bank, sebarang wang yang diterima, dikutip atau diperoleh dari atau di bawah mana-mana sekuriti atau jaminan ke atas kredit dari akaun berasingan tanpa keuntungan di bawah nama Pelanggan sebagaimana dianggap wajar oleh pihak Bank tanpa sebarang tanggungjawab serta-merta dari pihak Bank untuk menguatkuasakan sepenuhnya atau sebahagiannya bagi melunaskan jumlah perlu dibayar dan terutang kepada pihak Bank.

36. Pengganti Terikat

Kemudahan ini akan mengikat ke atas dan berkuatkuasa untuk manfaat pihak Bank dan Pelanggan dan harta pusaka, waris, wakil peribadi, pewaris hak, pengganti masing-masing dan mana-mana pihak lain yang buat masa tersebut memperoleh hak, sebagaimana mungkin, kecuali Pelanggan tidak boleh menggantikan hak atau tanggungjawabnya selaras dengan T&S ini.

37. Tanggung Rugi

Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan pihak Bank tidak terjejas dan ditanggung rugi daripada dan terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan dalam apa cara pun yang mungkin berlaku dan ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada pelanggaran mana-mana T&S Kemudahan ini oleh Pelanggan. Walau apa pun peruntukan di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat menjalankan mana-mana operasi atau menawarkan mana-mana perkhidmatan akibat dari sebarang sebab yang di luar

kawalan pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, bencana alam, sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan minyak atau sebarang faktor dalam bentuk *force majeure*, pihak Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun, dipertanggungjawabkan untuk sebarang kesukaran, kehilangan, kecederaan, dan kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada mana-mana keadaan di atas.

38. Kebolehasingan

Sebarang terma, syarat, ketetapan, peruntukan, ikrar atau aku janji dalam Kemudahan ini atau mana-mana bahagiannya yang menyalahi undang-undang, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana bidang kuasa hendaklah tidak berkesan dalam bidang kuasa sedemikian setakat ketidaksahan, kebatalan, larangan atau ketidakbolehuasaan tersebut tanpa membatalkan peruntukan atau bahagian selebihnya dalam Kemudahan ini dan sebarang ketidakpatuhan, pembatalan, larangan atau ketidakbolehuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan membatalkan atau menyebabkan tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, ikrar atau aku janji di dalam bidang kuasa lain.

39. Keingkaran Balasan

Pihak Bank berhak untuk meneruskan dengan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan atau menamatkan Kemudahan tersebut dan menuntut semua jumlah yang terhutang kepada pihak Bank di bawah Kemudahan tersebut atau menahan Kemudahan tersebut sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran sebarang jumlah yang terhutang oleh Pelanggan di bawah ini atau di bawah sebarang akaun lain dengan pihak Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau sekiranya terdapat keingkaran pembayaran sebarang jumlah yang terhutang di bawah akaun mana-mana pihak di mana Pelanggan adalah penjamin.

40. Penyata dikeluarkan oleh pihak Bank

- a) Pelanggan bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus atau pegawai/ejen pihak Bank yang diberi kuasa sewajarnya, jika tiada sebarang kesilapan yang jelas dalam penyata akaun atau penipuan oleh pihak Bank, akan menjadi bukti yang mengikat dan konklusif mengenai hutang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan di mahkamah.
- b) Sebarang pertikaian/percanggahan dalam penyata akaun hendaklah dibangkitkan oleh Pelanggan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata tersebut, jika gagal, penyata tersebut akan dianggap tepat.

41. Arahan menerusi Telefon atau Transmisi Faksimili atau Elektronik atau Digital

Pihak Bank dengan ini diberi kuasa oleh Pelanggan, tetapi tidak berkewajipan, untuk bergantung pada dan bertindak mengikut apa-apa arahan, pengesahan dan/atau komunikasi lain oleh Pelanggan ("**Arahan**") sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada melalui telefon, transmisi faksimili, elektronik atau secara digital yang mana boleh dari semasa ke semasa, yang diberikan oleh atau bagi pihak Pelanggan berkenaan dengan kuasa atau identiti orang yang memberikan atau didakwa memberi Arahan tersebut. Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan di atas, Bank berhak untuk bergantung dan bertindak atas sebarang Arahan berdasarkan tandatangan yang didapati oleh Bank, dengan merujuk kepada nama-nama dan tandatangan orang yang difailkan dengan Bank sebagai tandatangan Pelanggan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan sebarang Arahan bagi pihak Pelanggan. Pihak Bank berhak untuk menganggap Arahan tersebut sebagai mengikat terhadap Pelanggan dan pihak Bank berhak (tetapi tidak terikat) untuk mengambil langkah berkenaan atau bergantung terhadap Arahan tersebut. Pelanggan bersetuju untuk menanggung semua risiko yang terlibat dalam memberi Arahan melalui telefon atau faksimili atau secara elektronik atau digital dan Pelanggan tidak akan mencabar kesahihan, ketulenan atau ketepatan Arahan tersebut. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos (termasuk kos guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Pelanggan secara langsung atau tidak

langsung yang timbul daripada pemberian Arahan tersebut, sebarang ketidaksempurnaan penyampaian Arahan dan/atau kesilapan dalam penyampaian Arahan di bawah ini.

42. Peningkaran Undang-Undang

Sekiranya pihak Bank berpendapat bahawa pengenalan atau perubahan sebarang undang-undang, peruntukan atau terbitan rasmi (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan terhadap tafsiran atau aplikasi tersebut yang menjadikannya salah di sisi undang-undang oleh pihak Bank untuk mengekalkan, membiayai atau melaksanakan kewajibannya di sini, pihak Bank dengan serta merta akan memberikan notis penentuan kepada Pelanggan di mana Kemudahan sehingga tahap tersebut akan dibatalkan dan Pelanggan hendaklah dengan serta merta membayar semua jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Para Pelanggan di sini termasuk kos dan fi yang terhutang apabila menerima notis daripada pihak Bank. Penentuan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan oleh pihak Bank dalam notis pihak Bank dan keputusan pihak Bank atas penguatkuasaan tarikh penamatan tersebut adalah muktamad dan konklusif

43. Jaminan Berterusan

Liabiliti dan/atau obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun perubahan sama ada disebabkan oleh kebangkrapan, kematian, kegilaan, ketidakupayaan atau sebaliknya walau apa pun Pelanggan dan/atau sebarang perubahan dalam penggabungan, penyusunan semula atau sebaliknya yang dibuat dalam perlembagaan Bank.

44. Pindaan

T&S ini dan semua ketersediaan, had, kadar keuntungan, fi dan caj bagi Kemudahan tersebut adalah tertakluk pada garis panduan daripada dan/atau dokumen polisi BNM dan/atau mana-mana penguatkuasa yang berkenaan. Tertakluk pada peruntukan Syariah, pihak Bank berhak untuk mengubah, menambah, menghapus atau meminda T&S di sini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.

45. Perjanjian Tunggal

T&S ini, Borang Permohonan dengan Surat Tawaran, Notis Pembayaran dan semua perjanjian dan dokumen lain yang dikeluarkan oleh Bank berkaitan dengan Kemudahan dan juga mana-mana Arahan daripada Pelanggan hendaklah membentuk dan ditafsirkan sebagai satu perjanjian antara pihak Bank dan Pelanggan.

46. Undang-undang Terpakai

T&S yang terkandung di sini hendaklah tertakluk pada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian ataupun perbezaan pendapat tentang apa-apa jua yang berkenaan atau melibatkan Syariah, kedua-dua pihak akan merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah BNM dan keputusan melibatkan perkara tersebut adalah dikira mengikat dan konklusif.

47. Masa

Masa di mana tersebut di sini adalah intipati T&S ini.